



**PERBEZAAN TAHAP KUALITI *Functional Movement Screen* ANTARA
TIGA KUMPULAN PENARI BERLAINAN BANGSA DALAM KALANGAN
PENARI TRADISIONAL**

Oleh

SEGAR A/L A MANIVELOO

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

Julai 2022

FPP 2022 54

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERBEZAAN TAHAP KUALITI *Functional Movement Screen* ANTARA
TIGA KUMPULAN PENARI BERLAINAN BANGSA DALAM KALANGAN
PENARI TRADISIONAL**

Oleh

SEGAR A/L A MANIVELOO

Julai 2022

Pengerusi : Borhannudin Bin Abdullah, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti perbezaan tahap kualiti pergerakan dalam kalangan penari tradisional di Malaysia menggunakan alat penilaian pergerakan *functional movement screen* (FMS). Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan 66 penari (M = 33, F = 33). Kajian ini melibatkan penari tarian tradisional daripada 3 kumpulan iaitu melayu (MD = 22) cina (CD = 22) dan India (ID = 22). Analisis diskriptif menunjukkan tahap FMS penari cina lebih baik daripada penari lain dengan (M = 18.50, SD = 1.102), diikuti penari india (M = 18.23, SD = 1.445) dan terendah ialah penari melayu (M = 16.18, SD = 2.062) dan Jumlah (M = 17.64, SD 1.878). Analisis ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan untuk skor FMS dengan ketiga-tiga kumpulan penari, $F(2,63) = 14.026, p = .000$. Bagi analisis perbezaan bagi tujuh ujian FMS pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian *deep squat* ($F(2,63) = 7.537, p = .001$), *hurdle step* ($F(2,63) = 10.091, p = .000$), *shoulder mobility* ($F(2,63) = 6.173, p = .004$), *active straight leg raise* ($F(2,63) = 7.603, p = .001$) dan *trunk stability push-up* ($F(2,63) = 3.506, p = .036$). Manakala, tiada perbezaan yang signifikan bagi ujian *inline lunges* ($F(2,63) = .220, p = .803$) dan *rotary stability* ($F(2,63) = 2.643, p = .079$). Dapatan ini menunjukkan penguasaan pergerakan asas tarian penari cina dan india lebih baik jika dibandingkan dengan tarian tradisional Melayu yang kurang mengutamakan penguasaan fleksibiliti, keseimbangan, koordinasi dan kelenturan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

DIFFERENCES IN THE LEVEL OF Functional Movement Screen QUALITY MOVEMENTS BETWEEN THREE GROUPS OF DANCERS OF DIFFERENT RACE AMONG TRADITIONAL DANCERS.

By

SEGAR A/L A MANIVELOO

July 2022

Chair : Borhannudin Bin Abdullah, PhD
Faculty : Educational Studies

The main purpose of this study is to identify differences in the level of movement quality among traditional dancers in Malaysia using functional movement screen (FMS). It was a survey study design which involved 66 dancers (M = 33, F = 33). The study includes dancers of traditional dance from three groups which is Malay (MD = 22), Chinese (CD = 22) and Indian (ID = 22). The descriptive analysis showed that Chinese dancers had significantly higher FMS level than the other dancers with (M = 18.50, SD = 1.102), followed by the Indian dancers (M = 18.23, SD = 1.445), while the Malay dancers had the lowest level (M = 16.18, SD = 2.062) and overall (M = 17.64, SD 1.878). ANOVA analysis found a significant difference for FMS scores among all three groups of dancers, $F(2,63) = 14.026$, $p = .000$. As for the analysis of differences for the seven FMS tests, results showed significant differences for the deep squat test ($F(2,63) = 7.537$, $p = .001$), hurdle step ($F(2,63) = 10.091$, $p = .000$), shoulder mobility ($F(2,63) = 6.173$, $p = .004$), active straight leg raise ($F(2,63) = 7.603$, $p = .001$) and trunk stability push-ups ($F(2,63) = 3.506$, $p = .036$). Meanwhile, there was no significant difference for inline lunges test ($F(2,63) = .220$, $p = .803$) and rotary stability ($F(2,63) = 2.643$, $p = .079$). This result explained that Chinese and Indian dancers have strong mastery on basic dance movement compared to Malay dancers which have less priority on flexibility control, balance, coordination and flexibility.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Borhannudin bin Abdullah dan Dr. Shamsulariffin bin Samsudin yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kajian ini disempurnakan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Pritah Subramaniam kerana banyak membantu dan menunjuk ajar sehingga penulisan ini disiapkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En. Ramesh dan En Punithan selaku pengurus artis Temple of Fine Arts Kuala Lumpur, para penari, para fasilitator dan rakan-rakan yang memberi kerjasama dalam membantu saya mengumpul data kajian. Akhir sekali saya berterima kasih kepada ibu bapa, ahli keluarga, rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberi dorongan semangat sepanjang kajian yang saya lakukan. Semoga kejayaan ini mendapat keberkatan dan mendapat pendorongan kepada generasi akan datang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatan Kuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Borhannudin bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Shamsulariffin bin Samsudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Mac 2023

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2015-2016) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No Matrik: Segar A/L A Maniveloo

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah - Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2015 - 2016) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Borhannudin bin Abdullah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Shamsulariffin bin Samsudin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Definisi Operasional	8
1.7.1 Functional Movement Screen (FMS)	8
1.7.2 Tarian Tradisional	8
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Perkembangan Penilaian Pergerakan	9
2.2 Perkembangan <i>Functional Movement Screen</i>	10
2.3 FMS dengan Populasi Berbeza	11
2.4 Kecederaan Dalam Tarian	14
2.5 Penilaian Pergerakan Dalam Tarian	16
2.6 Tarian Tradisional dan Tarian Moden	19
2.7 Kerangka Konseptual	21
2.8 Rumusan	21
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Reka Bentuk Kajian	23
3.3 Populasi Kajian	23
3.4 Pensampelan Kajian	24
3.4.1 Kriteria pengskoran FMS	26
3.5 Analisis Data	28
4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	30
4.2 Ciri-ciri Demografi Subjek	30
4.3 Analisis Statistik	31
4.3.1 Tahap skor FMS dalam kalangan penari Melayu, Cina & India	31
4.3.2 Perbezaan Skor <i>Deep Squat</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	32
4.3.3 Perbezaan Skor <i>Hurdle Step</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	33

4.3.4	Perbezaan Skor <i>Inline Lunges</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	34
4.3.5	Perbezaan Skor <i>Shoulder Mobility</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	36
4.3.6	Perbezaan Skor <i>Active Straight Leg Raise</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	37
4.3.7	Perbezaan Skor <i>Trunk Stability Push-Up</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	38
4.3.8	Perbezaan Skor <i>Rotary Stability</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	39
4.3.9	Perbezaan Skor FMS Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina & India	40
4.8	Kesimpulan	41
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Perbincangan	43
5.2	Perbezaan skor <i>deep squat</i> dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India	44
5.3	Perbezaan skor <i>hurdle step</i> dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India	44
5.4	Perbezaan skor <i>inline lunges</i> dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India	45
5.5	Perbezaan skor <i>shoulder mobility</i> dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India	45
5.6	Perbezaan skor <i>active straight leg raise</i> dalam kalangan Penari Melayu, Cina dan India	46
5.7	Perbezaan skor <i>trunk stability push-up</i> dalam kalangan Penari Melayu, Cina dan India	46
5.8	Perbezaan skor <i>rotary stability</i> dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India	47
5.9	Perbezaan skor FMS antara penari Melayu, Cina dan India	47
5.10	Kesimpulan	48
5.11	Cadangan	48
	RUJUKAN	50
	LAMPIRAN	60
	BIODATA PELAJAR	66
	PENERBITAN	67

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Kriteria penskoran FMS	26
3.2	Analisis Data	28
4.1	Data Diskriptif Taburan Subjek	30
4.2	Data Kekerapan Taburan Subjek	30
4.3	Analisis Diskriptif Skor FMS Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	31
4.4	Analisis Diskriptif Skor <i>Deep Squat</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	32
4.5	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Deep Squat</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	32
4.6	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor <i>Deep Squat</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	32
4.7	Analisis Diskriptif Skor <i>Hurdle Step</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	33
4.8	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Hurdle Step</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	34
4.9	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor <i>Hurdle Step</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	34
4.10	Analisis Diskriptif Skor <i>Inline Lunges</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	35
4.11	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Inline Lunges</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	35
4.12	Analisis Diskriptif Skor <i>Shoulder Mobility</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	35
4.13	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Shoulder Mobility</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	36
4.14	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor <i>Shoulder Mobility</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	36
4.15	Analisis Diskriptif Skor <i>Active Straight Leg Raise</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	37

4.16	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Active Straight Leg Raise</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	37
4.17	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor <i>Active Straight Leg Raise</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	37
4.18	Analisis Diskritif Skor <i>Trunk Stability Push-Up</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	38
4.19	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Trunk Stability Push-Up</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	38
4.20	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor <i>Trunk Stability Push-Up</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	38
4.21	Analisis Diskriptif Skor <i>Rotary Stability</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	39
4.22	Analisis Ujian ANOVA Skor <i>Rotary Stability</i> Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	40
4.23	Analisis Diskritif Skor FMS Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	40
4.24	Analisis Ujian ANOVA Skor FMS Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	40
4.25	Analisis Ujian <i>Pos Hoc</i> Skor FMS Dalam Kalangan Penari Melayu, Cina dan India	41

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Gerakan merupakan asas kepada kehidupan manusia kerana ia membantu manusia untuk berinteraksi dengan persekitaran. Pergerakan manusia boleh diramal dengan peningkatan tahap kualiti pergerakan dari bayi hingga ke dewasa dan ia dinamakan pembangunan secara semulajadi. Peningkatan usia akan menyebabkan kualiti pergerakan manusia menjadi lebih matang dan unik serta ia akan bergerak dalam fungsinya sendiri sehingga penuaan atau kecederaan yang akan memberi kesan (Hoogenboom, Voight, Cook & Rose, 2013). Keupayaan pergerakan juga bergantung kepada semua aspek pembangunan seperti sosial, emosi, mental dan fizikal. Manakala, pengawalan pergerakan bayi perlu dilakukan dari umur bayi 0 hingga 2 tahun. Ia bagi mengenal pasti sebarang kekurangan dan kecacatan dalam pola pergerakan mereka (Cech & Martin, 2012).

Ahli fisioterapi merupakan individu yang terlibat dengan pemeriksaan fizikal, pemulihan kecederaan dan kesihatan seseorang. Ahli fisioterapi bukan sahaja merawat individu yang mengalami pembedahan atau kecederaan malah mereka juga mencuba untuk mencegah kecederaan tersebut tidak ulang lagi dan kadang kala ia merupakan punca utama kecederaan kepada ramai individu. Kecederaan yang berulang ini disebabkan oleh banyak faktor seperti ahli fisioterapi yang kurang mahir, pelaksanaan skrin pemulihan yang kurang sesuai dan sikap tidak bertanggungjawab oleh pesakit (Watson, 2001). Pemilihan alat penilaian kualiti pergerakan sangat penting kerana ia bergantung kepada tahap umur, kecederaan dan bahagian tubuh badan. Kesilapan pemilihan alat penilaian kualiti pergerakan ini akan menyebabkan kecederaan bertambah teruk, jangka masa pemulihan mengambil masa yang lama dan tidak dapat menilai tahap kecederaan dengan tepat (Hoogenboom et al., 2013).

Penilaian kualiti pergerakan berfungsi untuk menilai kualiti pergerakan asas seseorang. Penilaian pergerakan ini melibatkan semua otot dan sendi utama dalam tubuh badan seperti bahagian tulang belakang dan tulang pelvis. Kaedah ujian ini biasanya digunakan oleh fisioterapi, pakar perubatan dan jurulatih untuk menilai risiko kecederaan dan pola pergerakan kemahiran asas dan spesifik para atlet (Conlon, 2013). Beberapa alat penilaian kualiti pergerakan telah dibangunkan oleh pakar sains sukan seperti *Functional Movement Screen (FMS™)*, *Star Excursion Balance Test (SEBT)*, *Beighton Score (BS)*, *Landing Error Scoring System (LESS)*, *Single-Leg Squat Screen Variations*, *Drop Vertical Jump Screen Variation*, *Tuck Jump Assessment*, *Athletic Ability Assessment (AAA)*, *Conditioning Specific Movement Tasks (CSMT)* dan *The Physical*

Performance Measures Screen (16-PPM) (McCunn, aus der Fünten, Fullagar, McKeown & Meyer, 2016).

Functional Movement Screen (FMS) adalah penilaian awal yang dilakukan ke atas atlet oleh ahli terapi fizikal untuk mengenalpasti kelemahan dan kualiti dalam pola pergerakan (Cook, Burton & Hoogboom, 2006(1), 2006(2)). Ia juga adalah mesra pengguna, menggunakan alat kos rendah serta boleh dipercayai dan mendapat perhatian daripada para penyelidik dan ahli terapi fizikal sejak ia dibangunkan (Smith, Chimera, Wright & Warren, 2013). FMS terdiri daripada tujuh pergerakan atau ujian untuk menilai iaitu *deep squat*, *hurdle step*, *inline lunges*, *shoulder mobility*, *active straight leg raise*, *trunk stability push-up* dan *rotary stability* (Cook et al., 2006(1), 2006(2)). Untuk melakukan kesemua pergerakan ini, peserta memerlukan kekuatan otot, fleksibiliti, koordinasi, keseimbangan, julat pergerakan dan proprioception mobility sendi tertentu serta menyeragamkan sistem gerakan (Cook et al., 2006(1), 2006(2)). Kekurangan salah satu elemen ini akan menyebabkan peningkatan risiko kecederaan otot dan sendi (Frost, Beach, Callaghan & McGill, 2012).

Oleh demikian, FMS ini digunakan untuk memberi pendekatan terhadap pencegahan kecederaan dengan mengenalpasti batasan dan asimetri fungsi tubuh badan manusia (Perry & Koehle, 2013). Kaedah yang betul dengan mempunyai ciri kebolehpercayaan yang tinggi perlu digunakan oleh ahli terapi fizikal untuk melakukan saringan tahap risiko kecederaan yang akan dihadapi oleh para pemain sebelum program latihan dilaksanakan supaya dapat meminimumkan risiko kecederaan yang akan dihadapi oleh mereka (Prince, Hawkins, Hulse & Hodson, 2004). Oleh sebab itu, FMS digunakan secara meluas oleh para atlet dan individu yang aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi untuk mengelak dan mengesan risiko kecederaan yang akan dihadapi (Cook et al., 2006(1), 2006(2)).

FMS telah digunapakai oleh ramai penyelidik untuk mengenal pasti risiko kecederaan dalam pelbagai jenis populasi (Lisman, O'Connor, Deuster & Knapik 2013). Banyak faktor intrinsik yang menimbulkan kecederaan kepada atlet telah dikaji oleh para penyelidik termasuk nisbah otot untuk kekuatan dan daya tahan, struktur tubuh badan, tahap kecergasan pra-musim dan kecederaan lampau (Devan, Pescatello, Faghri & Anderson 2004). Manakala, menurut Lockie, Schultz, Jordan, Callaghan, Jeffriess dan Luczo (2015), menyatakan bahawa FMS bukan hanya digunakan untuk meramal kecederaan malah ia seolah-olah mempunyai keberkesanan yang rendah untuk mengenal pasti kelemahan pergerakan dalam pergerakan kompleks yang terdiri daripada pergerakan yang laju dari pelbagai arah dan melompat.

Walaupun tarian diakui berbeza dengan sukan lain, ia mengejutkan dengan purata beban latihan mingguan dalam tarian adalah lebih tinggi daripada atlet bola sepak dalam satu musim (Rogalski, Dawson, Heasman & Gabbett, 2013). Pelajar tarian pra-profesional menghabiskan sebahagian besar hari mereka di kelas tarian dengan hanya 14% masa mereka dhabiskan untuk membuat

persembahan. Sebaliknya, penari profesional boleh melakukan persembahan tujuh kali seminggu dan hampir 145 persembahan setiap tahun (Allen, Nevill, Brooks, Koutedakis & Wyon, 2012).

Peningkatan dalam jumlah masa latihan bagi mencapai tahap seorang penari profesional adalah lebih tinggi berbanding dengan penari pra-profesional. Ia kerana terdapat peningkatan yang signifikan dalam beban latihan penari profesional yang mementingkan kesempurnaan dalam tarian. Peningkatan dan penurunan beban latihan yang tidak terkawal dengan sejarah latihan dan kecederaan seseorang penari boleh menjurus kepada kecederaan dalam sukan (Hulin, Gabbett, Blanch, Chapman, Bailey & Orchard, 2014). Keperluan pengambilan oksigen dalam persembahan tarian telah terbukti jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kelas dan latihan tarian (Wyon, Abt, Redding, Head & Sharp, 2004). Pemahaman yang lebih baik mengenai kecederaan dan analisis pergerakan bagi penari perlu dijalankan supaya membantu untuk merancang dan menyediakan plan latihan yang sistematik supaya tiada kecederaan terlebih guna berlaku (Armstrong, 2020).

Menurut Masal dan Borkar (2021), tarian klasik di India seperti Bharatanatyam mencatat 42.5% kecederaan bahagian belakang, 28.3% kecederaan lutut dan 18.63% kecederaan buku lali sepanjang karier. Perkara ini mungkin disebabkan beberapa lakuan gaya tarian dalam tradisional India seperti "nadharaja" dan "shiva shambo" dalam tarian bharatanathyam dan gaya duduk dalam tarian singa sangat menitikberatkan kekuatan dan kelenturan bahagian bawah badan. Menurut Pai (2020), salah satu gaya asas berdiri "Sthanak" dalam tarian kathak merupakan satu rawatan bagi kelumpuhan spondylitis. Ia melibatkan tulang belakang dan leher yang lurus serta tekanan pada kedua tapak tangan. Masal dan Borkar (2021), menyatakan bahawa sebanyak 17% - 30% penari Bharatanatyam mengalami kecederaan pada tulang belakang seperti spondylosis. Menurut Pai (2020), tarian tradisional India membantu meningkatkan tahap kesihatan, mengurangkan tekanan emosi dan memperbaiki pergerakan manusia. Ini kerana tarian tradisional India mementingkan ekspresi muka dan lakuan gabungan beberapa pergerakan yang kompleks.

Bagi masyarakat Cina tarian adalah sebahagian daripada seni mempertahankan diri dan mereka diberi latihan tarian tradisional yang mereka pelajari pada peringkat prasekolah. Ini menyebabkan apabila mereka dewasa mereka mempunyai postur dinamik yang stabil serta bahagian bawah badan fleksibel disebabkan oleh kesan latihan tersebut (Zou, Zeng & He, 2016). Menurut kajian Yeh, Wang, Wayne dan Phillips (2009), Tarian Tai Chi memberi banyak manfaat kepada kesihatan terutamanya orang dewasa seperti meningkatkan kualiti kesihatan dan mengurangkan risiko kanser serta sakit jantung. Kebanyakan kajian lampau menyatakan bahawa Tai Chi memberi kesan yang baik kepada orang dewasa dengan meningkatkan tahap kardiovaskular, kelenturan dan keseimbangan badan.

Mustaffa dan Idris (2017) menyatakan bahawa, dalam Tarian Zapin penari harus menguasai asas tarian yang terdiri daripada lapan langkah asas rentak tarian seperti gerakan lengan dan tangan serta kaki. Tarian Zapin memerlukan kemampuan pergerakan dan koordinasi kaki dengan tangan kerana ia memainkan peranan yang sangat penting dalam menggabungkan keseluruhan gerakan. Dalam Tarian Zapin langkah asas pertama dikenali sebagai “langkah dasar dan mundur”. Langkah ini melibatkan koordinasi pergerakan kaki sama ada melangkah ke hadapan atau ke belakang yang terdiri daripada lapan langkah asas tarian.

Walaupun pelbagai penilaian pergerakan dan postur dibangunkan, FMS merupakan yang paling dikenali orang ramai dan telah menerima banyak perhatian daripada ahli sains sukan dan para pengkaji. Kajian saintifik yang mengkaji perbezaan antara penilaian pergerakan sangat diperlukan dalam semua bidang terutama yang mengakibatkan kecederaan sukan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pilihan yang wujud dalam penilaian pergerakan dan postur ini. Ini dapat membantu jurulatih dan ahli sains sukan untuk memilih skrin pergerakan paling sesuai dengan mereka (McCunn et al., 2016).

1.2 Pernyataan Masalah

Sejak dibangunkan ujian FMS telah dijalankan di kalangan ramai atlet termasuk atlet profesional dalam sukan tertentu, atlet tahap universiti, pelajar sekolah, malah bukan dari bidang sukan juga seperti pegawai bomba dan tentera untuk meramal kecederaan masa depan. Namun, bukti yang sederhana menyokong kepada skor ujian FMS untuk meramal kecederaan masa depan (Kazman, Galecki, Lisman, Deuster, O'Connor, 2014). Ujian FMS bukan sahaja digunakan untuk mengenalpasti kecederaan masa depan dan mengukur tahap kecederaan ketika pemulihan, malah ia juga digunakan untuk mengukur kualiti pola pergerakan manusia (Cook et al., 2006(1)). Ujian ini penting untuk meramalkan kecederaan pada populasi yang berbeza sama ada atlet atau bukan atlet kerana peranan yang dimainkan adalah berbeza ketika awal pemulihan (Cosio-Lima, Knapik, Shumway, Reynolds, Lee, Greska & Hampton, 2016).

Tarian merupakan satu aktiviti fizikal berintensiti tinggi yang memerlukan tenaga yang banyak dan menjadi ia menyebabkan penari berisiko tinggi untuk mendapatkan kecederaan muskuloskeletal. Penari menghabiskan sekurang-kurangnya 1.5 jam dalam kelas harian mereka dan ditambah pula dengan latihan persembahan yang memakan masa yang lebih lama (Miller, 2006). Selama ini, para penari telah melakukan pergerakan yang berulang untuk menguasai kemahiran dan kualiti persembahan (Shah, Weiss & Burchette, 2012). Ini membuatkan penari letih dan mudah mengalami kecederaan. Kadar kecederaan yang berkaitan dengan tarian dilaporkan rata-rata antara 67-95% setiap tahun (Fuhrmann, Brayer, Andrus & McIntosh, 2010). Disebabkan peratusan

kecederaan yang tinggi, para profesional dalam bidang sains tarian telah berusaha untuk memahami biomekanik tarian untuk mempromosikan pencegahan kecederaan pada penari elit. Walaupun perhatian semakin meningkat dalam kajian, kebanyakannya fokus pada penari balet dan penyelidik menyatakan perlunya banyak lagi kajian mengenai kecederaan dan akibatnya dalam tarian moden. Pendedahan dalam tarian tradisional pada peringkat kanak-kanak membantu mereka untuk meningkatkan prestasi motor dan kecergasan (Fairclough, 2003).

Terdapat satu kajian yang dilakukan menggunakan populasi kajian yang terhad iaitu menggunakan penari universiti wanita (Armstrong, 2020). Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara FMS, SEBT dan BS dalam kalangan penari dengan implikasi terhadap prestasi dan kecederaan. Namun, terdapat beberapa kekurangan dalam kajian ini yang boleh ditambah baik mengikut apa yang dicadangkan oleh pengkaji sebelum ini. Antaranya ialah penambahan saiz sampel yang lebih besar dengan penambahan jantina lelaki yang terdiri daripada pelbagai etnik. Selain itu, tumpuan juga boleh diberikan kepada penari yang berlatar belakangkan jenis tarian yang berbeza seperti tarian klasik, moden, tradisional dan sebagainya.

Hubungan antara beban latihan dan kecederaan telah banyak mendapat perhatian dalam pelbagai sukan (Eckard, Padua, Hearn, Pexa & Frank, 2018). Namun, pemahaman tentang hubungan ini terbatas dalam tarian. Kebanyakan kecederaan dalam tarian telah diklasifikasikan sebagai kecederaan yang berpunca daripada terlebih guna (*overuse*) iaitu berlaku akibat daripada melakukan aktiviti fizikal tanpa tempoh pemulihan yang mencukupi. Ketidakseimbangan antara beban latihan dan latihan pemulihan mengakibatkan kelesuan dan akan menjurus kepada kecederaan (Soligard, Schwelnus, Alonso, Bahr, Clarsen, Dijkstra & Engebretsen, 2016). Penari remaja boleh meningkatkan latihan mereka kepada 20 hingga 30 jam seminggu ketika pra-profesional dan ia akan meningkat lagi apabila mereka mencapai tahap profesional kerana keperluan kemahiran yang tinggi (Wyon et al., 2004).

Penilaian FMS adalah sangat penting untuk menguji kualiti pergerakan tubuh badan manusia namun berbeza dari segi kepentingannya FMS lebih kepada menguji tahap kecederaan dan kelemahan pergerakan yang menyeluruh. Kekurangan kajian yang membuat perbandingan ujian penilaian pergerakan antara pelbagai tarian tradisional etnik dan jantina yang berbeza dan mendorong saya untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini juga dapat membantu jurulatih dan ahli terapi fizikal yang terlibat dengan program pemulihan kecederaan untuk mendapatkan idea dan membuka ruang kepada mereka untuk merancang program latihan yang lebih baik.

1.3 Objektif Kajian

Menurut Noraini (2013), objektif kajian perlu spesifik, boleh diukur, realistik, boleh dicapai serta dan bersesuaian dengan tempoh kajian. Objektif kajian juga perlu dalam bentuk kata kerja yang berkaitan dengan bidang dan tahap kajian masing-masing. Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenalpasti tahap skor FMS dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
2. Mengenalpasti perbezaan skor *deep squat* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
3. Mengenalpasti perbezaan skor *hurdle step* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
4. Mengenalpasti perbezaan skor *inline lunges* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
5. Mengenalpasti perbezaan skor *shoulder mobility* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
6. Mengenalpasti perbezaan skor *active straight leg raise* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
7. Mengenalpasti perbezaan skor *trunk stability push-up* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
8. Mengenalpasti perbezaan skor *rotary stability* dalam kalangan penari Melayu, Cina dan India.
9. Mengenalpasti perbezaan skor FMS antara penari Melayu, Cina dan India.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan andaian sementara atau andaian awal yang dicadangkan oleh seseorang pengkaji mengenai hubungan antara sebab dan akibat. Menolak atau menerima sesuatu konsep atau teori bergantung kepada bukti-bukti yang diperolehi melalui ujian. Terdapat dua jenis hipotesis kajian iaitu hipotesis nul dan hipotesis alternatif (Berawi, 2017). Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut;

H₀1: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *deep squat* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₂: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *hurdle step* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₃: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *inline lunges* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₄: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *shoulder mobility* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₅: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *active straight leg raise* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₆: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *trunk stability push-up* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₇: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor *rotary stability* antara penari Melayu, Cina dan India.

H₀₈: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor FMS antara penari Melayu, Cina dan India.

1.5 Kepentingan Kajian

Penilaian pergerakan adalah digunakan untuk menilai kualiti pergerakan tubuh badan, kualiti kemahiran asas pergerakan dan risiko kecederaan seseorang. Setiap penilaian pergerakan mempunyai keistimewaan sendiri iaitu ada yang digunakan untuk menilai postur statik seperti dalam keadaan jongkok atau lunges. Selain itu, pergerakan dinamik seperti menilai corak berlari, congklang, melangkau dan jenis pergerakan tertentu. Kebanyakan penilaian pergerakan mementingkan tahap fleksibiliti, kordinasi dan kekuatan tubuh badan (Kowalski, Protasiewicz-Faldowska, Dwornik, Pierozynski, Raistenskis & Kiebzak, 2014).

